

立德



金殿堂

UJIAN AKHIR SESI AKADEMIK

国文

Tahun

6

Bahasa Melayu

6

set
Pentaksiran
Sumatif

+

2

set
Model Pentaksiran UASA
yang boleh dilembakan

*Sesuai untuk Pentaksiran Bilik Darjah PBD



Nama



Kelas



Nama : _____

Kelas : _____

Ujian Akhir Sesi Akademik MODEL PENTAKSIRAN 1

Masa: 1 Jam 15 Minit

Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1-10	10	
B	1	5	
	2	5	
C	1	10	
D	1	20	
Jumlah		50	

Arahan:

1. Kertas soalan ini mengandungi empat bahagian utama: Bahagian A, Bahagian B, Bahagian C dan Bahagian D.
2. Kamu dikehendaki menjawab semua soalan yang disediakan dalam keempat-empat bahagian ini.
3. Bagi soalan objektif, setiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu: A, B, C dan D. Pilih satu jawapan sahaja.
4. Bagi soalan subjektif, jawab semua soalan dalam ruang jawapan yang telah disediakan.

Bahagian A

/ 10 Markah

Soalan 1 dan 2

Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

1. _____, canggihnya teknologi kecerdasan buatan di sekolah kamu ini!
 A Eh
 B Cis
 C Nah
 D Wah
2. “_____ panik, pastikan kapal angkasa ini dalam keadaan stabil,” kata Kapten Brian kepada anak kapalnya.
 A Sila
 B Harap
 C Jangan
 D Berikan

Soalan 3

Pilih ayat aktif yang betul.

3. A Robot ini sangat berguna kepada masyarakat.
 B Nama Billy telah didaftarkan untuk robot T-800 itu.
 C Dinding rumah itu dirempuh oleh kereta kawalan jauh.
 D Telah saya catat kelebihan dan kelemahan pihak lawan.

Soalan 4 hingga 6

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Encik Aziz : Kamu dari mana, Jefri?

Jefri : Saya bersiar-siar dengan kereta Mercedes baharu kakak, ayah. Kereta kakak lebih besar dan selesa daripada kereta abang.

Encik Aziz : Tentulah, kereta kakak kamu lebih mahal. Tapi, tahukah kamu sejarah penciptaan kereta-kereta itu?

Jefri : Tidak tahu. Ayah ceritalah!

Encik Aziz : Baiklah, pada asalnya penciptaan kereta ini telah pun bermula pada abad ke-17 lagi. Ketika itu, James Watt telah berjaya mencipta sebuah enjin wap. Kemudian, ciptaannya itu diubah suai pula oleh George Stephenson dan Gottlieb Daimler. Namun begitu, pereka yang dianggap sebagai pelopor kereta moden ialah Henry Ford.

Jefri : Jadi, kereta jenama Ford adalah untuk mengenang jasa beliau. Betulkah, ayah?

Encik Aziz : Betul. Bermula daripada Ford ciptaan itu berkembang ke serata negara Eropah termasuklah Jerman, Itali dan Perancis. Di Asia, Jepun dan Korea paling menonjol. Di Malaysia, tidak ada pencipta enjin kereta lagi. Setakat ini, kita masih menggunakan teknologi Jepun.


4. Siapakah Henry Ford?
 - A Pencipta enjin wap
 - B Pelopor kereta moden
 - C Pengasas kereta Mercedes
 - D Pengasas penciptaan kereta
5. Negara Asia manakah yang paling menonjol dalam bidang automotif?
 - A Jepun dan Korea
 - B Thailand dan Jepun
 - C Singapura dan China
 - D Malaysia dan Indonesia
6. Berikut merupakan penerangan Encik Aziz *kecuali* _____.
 - A Malaysia masih menggunakan teknologi Jepun
 - B James Watt telah berjaya mencipta sebuah enjin wap
 - C asas penciptaan kereta telah bermula pada tahun ke-17
 - D ciptaan Ford telah berkembang ke serata negara Eropah

Soalan 7 hingga 10

Baca maklumat dalam **Bahan 1** dan **Bahan 2** dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

BAHAN 1

KARNIVAL SAINS DAN TEKNOLOGI INOVASI ROBOTIK 20__



Anjuran : Kementerian Pendidikan
Malaysia (KPM) dan
Kementerian Sains,
Teknologi dan Inovasi
(MOSTI)

Tarikh : 30 September 20__

Masa : 10.00 pagi - 6.00 petang

Tempat : Pusat Dagangan Dunia
Putra Kuala Lumpur (PWTC)

Program menarik :-

- ★ Pameran robotik
- ★ Cabutan *bertuah*
- ★ Pertunjukan roket air
- ★ Pertandingan robotik
- ★ Pertunjukan kereta solar

BAHAN 2

Fei Jing telah mengikuti abangnya ke Karnival Sains dan Teknologi Inovasi 20__ yang telah diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra Kuala Lumpur (PWTC).

Karnival tersebut berlangsung selama sehari bermula jam 10.00 pagi sehingga 6.00 petang. Pelbagai program yang menarik terdapat di karnival itu. Antara program yang menarik terdapat di karnival itu adalah seperti pameran robotik, cabutan *bertuah*, pertunjukan roket air, pertandingan robotik dan pertunjukan kereta solar.

Fei Jing berasa sangat gembira dapat menghadiri karnival tersebut kerana dia memperoleh banyak pengetahuan baharu tentang dunia robotik.

7. Karnival Sains dan Teknologi Inovasi Robotik 20__ telah berlangsung selama _____.

- A 7 jam
- B 8 jam
- C 9 jam
- D 10 jam

8.

Fei Jing berasa sangat gembira dapat menghadiri karnival tersebut kerana dia memperoleh banyak pengetahuan baharu tentang dunia robotik.

Jenis kata adjektif bagi perkataan bergaris ialah kata adjektif _____.

- A waktu
- B keadaan
- C perasaan
- D pancaindera

9. Perkataan *bertuah* dalam **Bahan 1** dan **Bahan 2** sinonim dengan perkataan _____.

- A rezeki
- B malang
- C menuai
- D kemenangan

10. Pilih pernyataan yang **benar** tentang **Bahan 1** dan **Bahan 2** di atas.

- A Karnival itu diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra Kuala Lumpur (PWTC).
- B Abang Fei Jing telah mengikutinya ke Karnival Sains dan Teknologi Inovasi tahun 20__.
- C Karnival tersebut berlangsung selama sehari bermula jam 9.00 pagi sehingga 6.00 petang.
- D Fei Jing berasa sangat gembira kerana dia dapat banyak pengetahuan baharu tentang dunia aerodinamik.

Soalan 1

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan berikut.

Terkenal dengan jolokan MacGyver Malaysia pada era 80-an dan 90-an, beliau hadir mewarnai citra Malaysia melalui ciptaannya yang unik. Zulkifli Haron, satu nama yang tidak asing di Malaysia ketika itu. Beliau juga merupakan Pengarah Urusan Syarikat Zull Design Autotronic (ZDA) yang merupakan syarikat pereka cipta peralatan berteknologi tinggi di Malaysia.

Sebelum Google dan YouTube mendominasi kehidupan seharian kita, Zulkifli Haron telah pun berfikir jauh merentasi zaman. Kecanggihan hasil ciptaan beliau begitu sukar difahami sehingga meraih perhatian bekas perdana menteri Tun Doktor Mahathir Mohamad ketika itu.

Zulkifli Haron bermula dengan menuntut di Institut Kemahiran MARA dalam jurusan penyaman udara. Kemudian, beliau telah ke luar negara bagi mencari ilmu untuk mengembangkan lagi bakatnya di Jerman dan Jepun.

Sumber dan ubah suai daripada : <https://www.astroawani.com.my>

- (a) Zulkifli Haron hadir mewarnai citra Malaysia melalui _____ yang unik.

[1 markah]

- (b) Di manakah Zulkifli Haron pernah menuntut ilmu?

[2 markah]

- (c) Gariskan satu kata berimbuhan awalan yang terdapat dalam ayat yang diberikan.

Zulkifli Haron menuntut di Institut Kemahiran MARA dalam jurusan penyaman udara.

[1 markah]

- (d) Pilih dan tandakan (✓) pada ayat yang sama maksud dengan ayat diberi.

Sebelum Google dan YouTube mendominasi kehidupan seharian kita, Zulkifli Haron telah pun berfikir jauh merentasi zaman.

Google dan YouTube telah mendominasi kehidupan seharian kita sebelum Zulkifli Haron berfikir jauh merentasi zaman.

Zulkifli Haron telah pun berfikir jauh merentasi zaman sebelum Google dan YouTube mendominasi kehidupan seharian kita.

[1 markah]

Baca dan fahami situasi di bawah. Kemudian, berikan pendapat kamu berdasarkan situasi tersebut.

Nadzmi akan menyertai pertandingan inovasi peringkat kebangsaan. Tetapi pada hari yang sama, dia telah terpilih untuk menghadiri Seminar Bijak Sains yang bakal diadakan minggu hadapan.

This image shows a single sheet of white paper with horizontal blue or grey ruling lines. The lines are evenly spaced and run across the width of the page. There is no handwriting or other markings on the paper.

Eliteguh Industries Sdn. Bhd.

Grafik di bawah menunjukkan faktor-faktor kejayaan seorang murid.

Tuliskan pendapat kamu tentang faktor-faktor kejayaan seorang murid tersebut.

Jawapan kamu hendaklah ditulis dalam satu perenggan.

Panjangnya jawaban kamu hendaklah tidak lebih daripada 50 patah perkataan.



[10 markah]

Teliti bahan grafik di bawah. Kemudian tulis sebuah karangan dalam bentuk karangan berformat atau karangan tidak berformat.

Panjangnya karangan kamu hendaklah antara 50 hingga 80 patah perkataan.



[20 markah]